

# Reformasi ekonomi Malaysia berpotensi dicontohi negara lain

Oleh Prof Dr Ahmad Ziad Sulaiman - Julai 19, 2024 @ 9:23am  
[bh@rencana.bh.com.my](mailto:bh@rencana.bh.com.my)



Fitch Ratings (Fitch) mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia melonjak sebanyak 4.4 peratus pada 2024 dan 4.5 peratus bagi 2025. - Foto fail NSTP

DALAM tempoh kira-kira sebulan lagi, Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri akan berlangsung. PRK ini pasti menjadi bahan tafsiran baharu terhadap ukuran sokongan rakyat kepada Kerajaan Perpaduan dan Kerajaan Kelantan.

PRK yang baharu berlalu adalah di DUN Sungai Bakap pada 6 Julai lalu menyaksikan calon Pakatan Harapan (PH), Dr Joohari Ariffin tewas di tangan calon Perikatan Nasional (PN), Abidin Ismail.

Ada yang menganggap keputusan PRK itu sebagai petanda rakyat menolak dasar ekonomi diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim khasnya selepas pengenalan dasar subsidi bersasar diesel pada 10 Jun lalu.

Sebenarnya, tidak ada apa mengejutkan mengenai keputusan PRK Sungai Bakap itu. Ia adalah sekadar penerusan kecenderungan mengekalkan status quo dalam semua PRK selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 19 November 2022 dan PRN lima negeri pada 12 Ogos 2023 baik di peringkat Parlimen maupun di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Selain penerusan kecenderungan mengekalkan status quo, keputusan sesuatu PRK juga berpunca daripada banyak sebab, ada yang bersifat dalaman dan luaran.

Oleh itu, tidak bijaksana untuk cepat-cepat menyalahkan dasar ekonomi kerajaan sebagai punca kekalahan calon PH tempoh hari kerana ada faktor politik setempat menjadi punca.

Maka, menggesa kerajaan menghentikan atau mengkaji semula dasar ekonomi, terutama subsidi bersasar diesel dan cadangan dasar subsidi bersasar petrol untuk memenangkan calon kerajaan, tidak menepati keadaan dan tidak bersifat logikal.

Pelaksanaan dasar subsidi bersasar bahan api berjaya mengekalkan penarafan kredit berdaulat Malaysia oleh agensi penarafan kredit antarabangsa.

### **Defisit fiskal akan mengecil**

S&P Global Ratings (S&P) menyatakan penarafannya terhadap Malaysia disokong oleh kedudukan luar negara yang kukuh dan fleksibiliti dasar monetari negara dan menjangkakan defisit fiskal akan mengecil dengan adanya langkah rasionalisasi subsidi.

Fitch Ratings (Fitch) pula mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia melonjak sebanyak 4.4 peratus pada 2024 dan 4.5 peratus bagi 2025.

Sementara itu, Ketua Strategi Ekuiti Asia-Pasifik di JP Morgan, Rajiv Batra, menerusi wawancara bersama CNBC pada 10 Julai lalu menyatakan JP Morgan menaikkan taraf Malaysia daripada overweight ke neutral berpanduan pembaharuan dasar termasuk mengambil langkah berani menyasarkan subsidi bahan api, pelaburan berpusatkan data dan pembangunan infrastruktur.

Lebih mengejutkan adalah kepentasan kemajuan sedang berlaku dengan pertumbuhan KDNK 4.2 peratus pada suku pertama tahun ini. JP Morgan melihat Kerajaan MADANI 'cakap serupa bikin' dalam hampir satu setengah tahun mentadbir.

Profesor di Sekolah Perniagaan Henley, Universiti Reading, England, Dr Benjamin Laker dalam rencana bertajuk Pemulihan Ekonomi Malaysia di Bawah Kepimpinan Anwar Ibrahim disiarkan majalah Forbes turut memuji reformasi ekonomi negara.

Ia merangkumi pengenalan cukai baharu, rasionalisasi subsidi, Dasar Gaji Progresif (PWP), penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA), mempercepatkan kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan dalam sektor bernilai tinggi disifatkan sebagai langkah penting ke arah pemulihan ekonomi Malaysia.

Pada masa sama, Laker berkata, kepemimpinan Perdana Menteri menguruskan ketidakpuasan awam, termasuk kesan reformasi ekonomi terhadap rakyat, menjadi penentu penting kejayaan jangka panjang dasar ekonomi Malaysia sekali gus berpotensi menjadi teladan untuk negara lain memacu pemulihan pasca pandemik dan transformasi struktur.

Pengiktirafan agensi penarafan kredit antarabangsa dan pakar kepemimpinan antarabangsa adalah petunjuk dasar ekonomi Perdana Menteri 'kena' dan perlu diteruskan.

**Penulis adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**